



🏠 (/) » BERITA (BERITA) » Kesibukan dalam kerjaya tidak halang graduan peroleh Master

Senarai Berita (/berita)

## Kesibukan dalam kerjaya tidak halang graduan peroleh Master

Oleh: Nazrul Rapali  
Pelajar Bachelor Sastera (Bahasa Lingustik Melayu), FBMK



SERDANG, 19 Mac - "If you are better than your father, then you have done your best". Itulah pepatah yang dipegang oleh Datuk Zukri Valenteno yang berani mencabar dirinya untuk menjadi yang terbaik dalam apa jua perkara.

Datuk Zukri Valenteno, 59, hari ini berjaya bergelar sebagai seorang graduan Master Komunikasi Korporat di Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Kali Ke-45.

Beliau yang berasal dari Alor Star, Kedah itu mempunyai minat yang cukup mendalam dalam bidang komunikasi.

Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai seorang wartawan profesional dalam beberapa syarikat temama di Malaysia.

Beliau juga seorang pensyarah sambilan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Baginya, komunikasi tidak lagi asing dengan jiwanya dan telah mempelajari pelbagai ilmu berkaitan dengan komunikasi massa sebelum beliau mula menceburkan dirinya dalam Khusus Komunikasi Kerajaan pada tahun 1996.

"Menjadi seorang yang mahir dalam komunikasi tidak mudah, kita perlu ada kreativiti dan inovasi dalam diri," katanya.

Datuk Zukri Valenteno akui ada beberapa cabaran yang perlu ditempuhinya. Salah satunya ialah beliau perlu bijak untuk membahagikan masa bekerja di samping perlu menghabiskan pengajiannya di peringkat Master.

Selain itu, pandemik COVID-19 juga amat memberi kesan kepada beliau kerana tidak dapat memperoleh sumber data penulisannya di tahap yang maksima kerana banyak bergantung pada sumber data yang diperoleh secara atas talian sahaja.

Perbincangan bersama ahli kumpulan jaja terpaksa dijalankan secara maya dan itu menjadi kekangan beliau untuk berinteraksi dengan lebih efisien.

Kini beliau sedang berkhidmat di salah satu sektor kerajaan di Putrajaya dan merupakan seorang pegawai yang berpangkat Jusa C.

Baginya, kejayaan yang diperolehi itu adalah rezeki daripada Allah S.W.T di samping usaha beliau yang sentiasa inginkan sesuatu yang lebih daripada orang lain.

Beliau sempat berpesan kepada semua belia dan juga masyarakat di luar sana, " If I can do it at my age, then you are better than me ".

Beliau turut mengesah anak muda untuk sentiasa melakukan yang terbaik dalam pengajian kerana di usianya juga beliau masih mampu bergelar graduan Master pada hari ini. - UPM

Tarikh Input: 19/03/2022 | Kemaskini: 19/03/2022 | hairul\_nizam

### PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2FKesibukan\_dalam\_kerjaya\_tidak\_halang\_graduan\_peroleh\_master-65943&

title=Kesibukan%20Dalam%20Kerjaya%20Tidak%20Halang%20Graduan%20Peroleh%20Master

%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy\_link) (/#wordpress)

(/#print)

### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN  
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)  
03-9769 7990 (03-9769 7470) |  
03-9769 1999

### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Pemohonan ke Luar Negara

(http://barsarl1.upm.edu.my/sign)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)

(http://www.sisman.upm.edu.my)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal)

(#redirection.html#id=home)

Jawatan Kosong (http://sjp.upm.edu.my)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zoonict.upm.edu.my)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my)

Sistem Pengurusan Perubatan

(http://regmedic.upm.edu.my)

Sistem E-Claims (http://eclaims.upm.edu.my/login)

i-GIMS Staf (http://www.sps.upm.edu.my/8080/gims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar passcasiswazah)

(http://spportal.upm.edu.my/8080/sgspportal)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar praxiswazah)

(http://smj.upm.edu.my/smp/action/security)

(/regSmpSetup)

### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia

(https://www.moe.gov.my)

Perdagangan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

(http://www.ptptn.gov.my)

Multimedia Super Corridor (https://mdc.my/msc-malaysia)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my)

Ageni Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my)

### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/250519)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal\_kami/maklumat\_korporat/piagam\_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal\_kami/dasar\_upm-5601)

Sistem Pengawasan ISO (http://reg.upm.edu.my/istik\_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan\_UPM-29859)

Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM\_UPM\_2021\_20.1.2021.pdf)

UPM Flywire (https://kanding-pages.flywire.com/kanding-upm)



(http://portal.upm.edu.my)



(http://portal.upm.edu.my)



(http://www.pertanika.upm.edu.my)



(https://www.pertanika.upm.edu.my)



(http://www.psis.upm.edu.my)



(https://smp.upm.edu.my)



(http://regportal.upm.edu.my/8080/sgspportal)



(http://eclaims.upm.edu.my/login)



(http://reg.upm.edu.my/eISO)



(http://eme.upm.edu.my)



LANGGAN MELALUI EMAIL  HANTAR

BM ▾

